

PERSEPSI WARGA EMAS TERHADAP TEKNIK PENGAJARAN DALAM PENDIDIKAN DEWASA DI PONDOK UNAIS

[PERCEPTION OF THE ELDERLY TOWARDS TEACHING TECHNIQUES IN ADULT EDUCATION AT PONDOK UNAIS]

AINUN SYAKIRAH AGOS SALIM^{1*} & MOHD ISA HAMZAH¹

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.
Correspondent Email: isa_hamzah@ukm.edu.my

Received: 10 May 2024

Accepted: 14 June 2024

Published: 28 July 2024

Abstrak: Pendidikan dewasa merupakan pendidikan yang melibatkan warga emas. Teknik pengajaran kepada warga emas perlu dititik beratkan supaya mereka memahami semasa sesi pengajaran dan pembelajaran (pdp) untuk diamalkan di dalam kehidupan seharian. Kajian ini bertujuan untuk melihat persepsi warga emas terhadap teknik pengajaran yang sesuai dalam pendidikan dewasa di Pondok Unais. Reka bentuk dalam kajian ini adalah kajian tinjauan pendekatan kuantitatif. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah borang soal selidik. Analisis data kajian dianalisis secara deskriptif dan menggunakan spss versi 27.0.1. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa skor min berada di tahap yang tinggi iaitu 4.03 dengan nilai sisihan piawai 0.36. Ini menunjukkan teknik pengajaran yang digunakan adalah sesuai dengan warga emas sekaligus dapat membantu guru untuk mempraktikkan lagi kemahiran yang sedia ada dengan lebih kreatif dalam pengajaran.

Kata Kunci: pendidikan dewasa, warga emas, pondok, pengajaran.

Abstract: Adult education is education that involves the elderly. Teaching techniques to the elderly need to be emphasized so that they understand during teaching and learning sessions to be practiced in everyday life. This study aims to see the perception of the elderly towards appropriate teaching techniques in adult education at Pondok Unais. The design in this study is a survey study with a quantitative approach. The instrument used in this study is a questionnaire. Data analysis of the study was analyzed descriptively and using spss version 27.0.1. The results of the study found that the mean score was at a high level of 4.03 with a standard deviation of 0.36. This shows that the teaching techniques used are suitable for the elderly as well as can help teachers to practice their existing skills more creatively in teaching.

Keywords: adult education, elderly, pondok, teaching.

Cite This Article:

Ainun Syakirah Agos Salim & Mohd Isa Hamzah. (2024). Persepsi Warga Emas Terhadap Teknik Pengajaran dalam Pendidikan Dewasa Di Pondok Unais [Perception of The Elderly Towards Teaching Techniques in Adult Education at Pondok Unais]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 4(2), 61-71.

PENGENALAN

Pendidikan dewasa merupakan proses pembelajaran sepanjang hayat. Setiap individu mempunyai hak untuk belajar kerana tiada pembatasan umur yang tertentu untuk menyertai dalam dunia pendidikan (Radhika Kapur, 2019). Datuk Seri Noraini berkata bahawa Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12) akan memberi tumpuan kepada pembangunan dan penambahbaikan program secara inovatif dalam memupuk dan melaksanakan pembelajaran sepanjang hayat (Mohd Rashid Abdul Rejab, 2022). Konsep pembelajaran sepanjang hayat hendaklah dihayati oleh masyarakat zaman kini bagi membangunkan Malaysia sebuah negara maju. Kini, pembelajaran sepanjang hayat bersifat inklusif yang boleh disertai oleh sesiapa sahaja untuk menambahkan ilmu pengetahuan (Mohamad Abdullah, 2022).

Pendidikan dewasa adalah pembelajaran warga emas. Warga emas yang masih lagi belajar adalah untuk mencari pengalaman baru, bersosial serta ingin memberi sumbangan kepada masyarakat (Abdul Razaq Ahmad, 2021). Menurut Mashitah et al. (2023) menyatakan warga emas yang dimaksudkan adalah kategori umur 60 tahun ke atas berdasarkan World Assembly On Ageing 1982 di Vienna dan diguna pakai oleh negara Malaysia. Dalam pada itu, kategori umur dewasa menurut John W. (2011) terbahagi kepada tiga iaitu dewasa awal, dewasa tengah dan dewasa akhir. Bagi kategori dewasa awal (*early adulthood*) adalah tempoh perkembangan manusia daripada umur awal 20-an sehingga ke akhir 30-an. Peringkat kedua adalah dewasa pertengahan (*middle adulthood*), tempoh perkembangannya adalah daripada usia 40 tahun sehingga umur 60 tahun. Peringkat ketiga adalah dewasa akhir (*late adulthood*) yang merupakan tempoh perkembangan manusia daripada umur 60-an atau 70-an sehingga ke akhir hayat.

Sistem pendidikan dewasa adalah berbeza dengan pendidikan kanak-kanak dan remaja. Pembelajaran pelajar dewasa yang tidak disesuaikan melalui cara penyampaian guru dapat memberi kesan kepada pelajar. Menurut Karina de Lima Flauzino et al. (2020), warga emas sukar untuk memahami apa yang diterangkan oleh guru kerana faktor usia sedikit lambat dalam mempelajari suatu ilmu. Selain itu, warga emas yang lebih tua menghadapi kesukaran dalam mengingat dan memahami pembelajaran, kesesuaian bahan pengajaran. Ini memerlukan teknik pengulangan, aktiviti secara praktikal dengan teknologi atau bahan yang sesuai bagi memenuhi keperluan warga emas. Seterusnya, penyampaian ilmu yang laju dan kandungan pembelajaran yang tinggi akan memberi tekanan kepada warga emas serta kata-kata yang tidak difahami akan menimbulkan salah faham kerana ada segelintir yang mentafsir makna yang berbeza daripada apa yang disampaikan. Menurut Wong Huey Siew (2018), isu bahasa yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran kerana warga emas tidak memahami bahasa Inggeris dan perlu diterangkan ke dalam bahasa Melayu.

Pendekatan pengajaran dewasa memiliki ciri yang khusus dan berbeza dengan pembelajaran kanak-kanak. Kajian ini adalah untuk mengkaji dan mengetahui teknik pengajaran yang sesuai bagi pelajar warga emas. Hasil kajian ini diharapkan dapat membantu meningkatkan kemahiran guru dalam membimbing pelajar warga emas. Oleh itu, pengkaji ingin mengkaji mengenai persepsi warga emas terhadap teknik pengajaran dalam pendidikan dewasa warga emas di Pondok Unais.

KONSEP PENDIDIKAN DEWASA

Menurut Mohammad Al-Farabi (2018), konsep pendidikan di dunia ini berasal daripada kefahaman tentang pengalaman mengajar dan pembelajaran para pelajar. Aktiviti pembelajaran secara lazimnya berdasarkan pandangan bahawa pendidikan adalah suatu proses penyebaran ilmu pengetahuan. Konsep pendidikan mula dikenali dengan istilah pedagogi yang bermaksud ilmu dan seni mengajar anak-anak. Kemudian telah berkembang kepada pendidikan dewasa iaitu andragogi yang memberi kefahaman bahawa pendidikan bukan sahaja menyebarkan ilmu pengetahuan, namun juga membentuk afektif dari segi emosi dan perasaan serta mengembangkan kemampuan, kemahiran yang wujud dalam proses pembelajaran sepanjang hayat.

Pendidikan dewasa menjadi kuasa utama dalam menarik perhatian kepada amalan pembelajaran sepanjang hayat. Pembelajaran sepanjang hayat menurut perspektif Barat adalah membantu pelajar dewasa menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan bagi memenuhi keperluan kehidupan seharian. Namun demikian, berbeza dengan konteks ajaran agama Islam bahawa di dalam al-Quran telah mencadangkan untuk mendidik manusia seumur hidup. Ini bermakna mendidik insan sepanjang hayat dengan mentaati ajaran dan suruhan Allah yang diturunkan oleh para nabi dan diwariskan kepada orang-orang soleh dari generasi ke generasi seterusnya. *Tamsilnya*, Allah berfirman di dalam al-Quran surah al-Baqarah ayat 132-133, bahawa Nabi Ibrahim dan Nabi Ya'qub telah mendidik anaknya sejak kecil hinggalah dewasa, bahkan sehingga mendekati detik tanda-tanda kematian juga tetap memberi pendidikan yang berupa wasiat supaya memelihara keimanan kepada Allah.

﴿وَوَصَّىٰ بِهَا إِبْرَاهِيمُ بَنِيهِ وَيَعْقُوبُ يٰبَنِيَّ إِنَّ اللَّهَ اصْطَفَىٰ لَكُمْ الدِّينَ فَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ﴾
 ﴿١٣٢﴾ أَمْ كُنْتُمْ شُهَدَاءَ إِذْ حَضَرَ يَعْقُوبَ الْمَوْتُ إِذْ قَالَ لِبَنِيهِ مَا تَعْبُدُونَ مِنْ بَعْدِي قَالُوا نَعْبُدُ
 إِلَهَكَ وَإِلَهَ آبَائِكَ إِبْرَاهِيمَ وَإِسْمَاعِيلَ وَإِسْحَاقَ إِلَهًا وَاحِدًا وَنَحْنُ لَهُ مُسْلِمُونَ ﴿١٣٣﴾

Maksudnya: "Dan Nabi Ibrahim pun berwasiat dengan ugama itu kepada anak-anaknya, dan (demikian juga) Nabi Yaakub (berwasiat kepada anak-anaknya) katanya: "Wahai anak-anakku! Sesungguhnya Allah telah memilih ugama (Islam) ini menjadi ikutan kamu, maka janganlah kamu mati melainkan kamu dalam keadaan Islam". (Demikianlah wasiat Nabi Yaakub, bukan sebagaimana yang kamu katakan itu wahai orang-orang Yahudi)! Kamu tiada hadir ketika Nabi Yaakub hampir mati, ketika ia berkata kepada anak-anaknya: "Apakah yang kamu akan sembah sesudah aku mati?" Mereka menjawab: "Kami menyembah Tuhanmu dan Tuhan datuk nenekmu Ibrahim dan Ismail dan Ishak, iaitu Tuhan yang Maha Esa, dan kepadaNya sahaja kami berserah diri (dengan penuh iman)".

Tujuan dan matlamat pendidikan dewasa ini adalah untuk memenuhi keinginan dan hasrat kepada pelajar dewasa dari sudut tuntutan rohani dalam ajaran agama Islam, keperluan sosial, pengetahuan secara teori dan praktikal, kemahiran yang boleh digunakan dalam

kehidupan seharian, meningkatkan kepakaran dan kelayakan dalam bidang-bidang tertentu dan mengamalkan dengan ilmu diperoleh itu untuk diajar kepada masyarakat. Dalam tuntutan pencarian ilmu mengikut ajaran Islam adalah bertujuan untuk meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah serta melengkapkan diri dengan ilmu-ilmu akhirat (Abdul Razaq Ahmad, 2021).

METODOLOGI

Metodologi bagi kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan iaitu pendekatan kuantitatif untuk melihat persepsi warga emas terhadap teknik pengajaran yang digunakan di Pondok Unais. Kajian ini menggunakan kaedah persampelan rawak mudah kepada 80 orang responden yang terdiri daripada warga emas kategori dewasa akhir daripada populasi warga emas di Pondok Unais. Borang soal selidik ini berstruktur iaitu soalan tertutup menggunakan skala likert 5 mata iaitu sangat tidak setuju (STS), tidak setuju (TS), tidak pasti (TP), setuju (S) dan sangat setuju (SS). Item soal selidik telah melalui dalam kesahan instrumen iaitu kesahan muka (*face validity*) dan kesahan kandungan (*content validity*). Kajian rintis dilaksanakan kepada 30 orang warga emas di sebuah pondok Pusat Pengajian Islam Desa Taqwa, Jeram. Analisis data bagi kajian ini dilakukan secara deskriptif menggunakan spss versi 27.0.1.

DAPATAN KAJIAN

Demografi kajian

Seramai 80 orang responden warga emas di Pondok Unais telah dipilih sebagai sampel kajian. Profil responden warga emas dihuraikan berdasarkan maklumat yang terkandung dalam borang soal selidik mengenai jantina, umur, latar belakang pekerjaan dan tahap pendidikan. Melalui hasil dapatan kajian dengan analisis deskriptif, kajian ini menunjukkan warga emas lelaki sebanyak 17.5% dengan bilangan 14 orang. Manakala bagi warga emas perempuan pula sebanyak 82.5% dengan bilangan seramai 66 orang. Ini menunjukkan sampel warga emas perempuan lagi ramai daripada warga emas lelaki.

Analisis pada kategori umur 50 hingga 60 tahun menunjukkan seramai 10 orang responden dengan nilai 12.5%. Bagi kategori umur 61 hingga 70 tahun menunjukkan seramai 40 orang responden dengan nilai 50%. Bagi kategori 71 hingga 80 tahun menunjukkan seramai 29 orang responden dengan nilai 36.3% dan bagi kategori 81 tahun ke atas hanya seorang responden dengan nilai 1.3%.

Seterusnya, latar belakang pekerjaan warga emas dibahagikan kepada empat iaitu kerajaan, swasta, bekerja sendiri dan tidak bekerja. Responden yang latar belakang bekerja kerajaan mencatatkan responden paling ramai iaitu seramai 38 orang respon dengan nilai 47.5%. Bagi responden yang bekerja di swasta mencatatkan seramai 13 orang responden dengan 16.3%. Responden yang bekerja sendiri adalah sedikit hanya bilangan 4 orang responden sahaja dengan nilai 5%. Manakala responden yang tidak bekerja pula mencatatkan seramai 25 orang responden dengan nilai 31.3%.

Pada tahap pendidikan warga emas, ada seorang responden warga emas yang tidak pernah bersekolah dengan nilai 1.3%. Responden yang belajar di peringkat rendah adalah sebanyak 15% dengan bilangan 12 orang responden. Responden yang belajar sehingga peringkat menengah sebanyak 46.3% dengan bilangan 37 orang responden. Manakala, responden yang belajar sehingga ke peringkat universiti adalah sebanyak 37.5% dengan bilangan 30 orang responden. Demografi responden kajian secara frekuensi dan peratusan seperti jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Demografi Responden Kajian

Kriteria	Kumpulan	Frekuensi	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	14	17.5%
	Perempuan	66	82.5%
Umur	50-60 tahun	10	12.5%
	61-70 tahun	40	50%
	71-80 tahun	29	36.3%
	81 tahun ke atas	1	1.3%
Latar Belakang Pekerjaan	Kerajaan	38	47.5%
	Swasta	13	16.3%
	Bekerja sendiri	4	5%
Tahap Pendidikan	Tidak bekerja	25	31.3%
	Tidak bersekolah	1	1.3%
	Peringkat rendah	12	15%
	Peringkat menengah	37	46.3%
	Peringkat universiti	30	37.5%

Analisis Deskriptif

Pada kajian ini dianalisis secara deskriptif seperti frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai. Kajian ini mengkaji mengenai persepsi warga emas terhadap teknik pengajaran yang digunakan di Pondok Unais. Jadual 2 menunjukkan maklum balas responden tentang pengajaran yang digunakan oleh tenaga pengajar di pondok tersebut.

Jadual 2: Maklum Balas

Bil	Item	STS %	TS %	TP %	S %	SS %	μ σ	Tahap
Teknik pengajaran								
1.	Pengajaran secara teori	0 0%	2 2.5%	6 7.5%	61 76.3%	11 13.8%	4.01 0.56	Tinggi
2.	Pengajaran secara amali	0	3	20	47	10	3.8	Tinggi

		0%	3.8%	25%	58.8%	12.5%	0.7	
3.	Menggunakan komunikasi dua hala	0	2	10	54	14	4.0	Tinggi
		0%	2.5%	12.5%	67.5%	17.5%	0.64	
4.	Membuat demonstrasi	0	6	25	42	7	3.63	Tinggi
		0%	7.5%	31.3%	52.5%	8.8%	0.75	
5.	Menggunakan teknik penceritaan	0	2	8	62	8	3.95	Tinggi
		0%	2.5%	10%	77.5%	10%	0.55	
6.	Memberi ruang sesi soal jawab	0	0	6	53	21	4.19	Tinggi
		0%	0%	7.5%	66.3%	26.3%	0.55	
7.	Menggunakan teknik pengulangan	0	0	9	58	13	4.05	Tinggi
		0%	0%	11.3%	72.5%	16.3%	0.53	
8.	Memberi penerangan yang jelas	0	0	3	61	16	4.16	Tinggi
		0%	0%	3.8%	76.3%	20%	0.46	
9.	Penggunaan aras bahasa yang mudah difahami	0	1	5	52	22	4.19	Tinggi
		0%	1.3%	6.3%	65%	27.5%	0.6	
10.	Penerangan yang mudah difahami	0	1	3	57	19	4.18	Tinggi
		0%	1.3%	3.8%	71.3%	23.8%	0.55	
11.	Penerangan yang ringkas	0	0	3	68	9	4.07	Tinggi
		0%	0%	3.8%	85%	11.3%	0.38	
12.	Pengajaran yang sesuai dengan warga emas	0	0	7	51	22	4.19	Tinggi
		0%	0%	8.8%	63.7%	27.5%	0.58	
13.	Menggunakan teknologi dalam pengajaran	0	3	11	52	14	3.96	Tinggi
		0%	3.8%	13.8%	65%	17.5%	0.68	
14.	Pengajaran yang menarik	0	0	7	61	12	4.06	Tinggi
		0%	0%	8.8%	76.3%	15%	0.49	
15.	Penyampaian secara satu persatu	0	1	8	58	13	4.04	Tinggi
		0%	1.3%	10%	72.5%	16.3%	0.56	
Jumlah keseluruhan min:							4.03	Tinggi
							0.36	

* μ = min, σ = sisihan piawai

Analisis data di atas menunjukkan keseluruhan data mengenai persepsi warga emas terhadap teknik pengajaran yang dinilai oleh responden tentang tenaga pengajar di Pondok Unais. Keseluruhan skor min pada jadual di atas mencatatkan nilai min 4.03 dengan nilai sisihan piawai 0.36 yang menunjukkan skor berada di tahap yang tinggi. Selain itu, hasil dapatan kajian pada tiga item “memberi ruang soal jawab”, “penggunaan aras bahasa yang mudah difahami” dan “penggunaan aras bahasa yang mudah difahami” menunjukkan nilai min yang sama iaitu 4.19 dan berada di tahap yang tinggi.

Berdasarkan dapatan kajian, skor min yang paling tinggi adalah ($\mu = 4.19$) iaitu pada item “memberi ruang soal jawab” dengan nilai sisihan piawai ($\sigma = 0.55$). Sebanyak 66.3% iaitu 53 orang responden yang bersetuju dengan pengajaran yang memberi ruang sesi soal jawab

kepada warga emas. Selain itu, sebanyak 26.3% dengan bilangan 21 orang responden menjawab 'sangat setuju'. Namun demikian, sebanyak 7.5% iaitu hanya 6 orang yang menjawab 'tidak pasti'.

Sementara itu, item “penggunaan aras bahasa yang mudah difahami” merupakan nilai min yang sama iaitu ($\mu = 4.19$) dengan nilai sisihan piawai ($\sigma = 0.6$). Seramai 52 orang responden dengan nilai peratusan 65% yang bersetuju dengan pengajaran yang menggunakan aras bahasa yang mudah difahami kepada warga emas. Seterusnya, seramai 22 orang responden dengan nilai peratusan 27.5% yang menjawab 'sangat setuju'. Walau bagaimanapun, hanya 5 orang responden dengan nilai peratusan 6.3% yang menjawab 'tidak pasti' dan seorang sahaja dengan nilai peratusan 1.3% yang menjawab 'tidak setuju'.

Dalam pada itu, item “pengajaran yang sesuai dengan warga emas” juga merupakan nilai min yang sama iaitu ($\mu = 4.19$) dengan nilai sisihan piawai ($\sigma = 0.58$). Sebanyak 63.7% dengan bilangan 51 orang responden yang menjawab setuju kerana pengajaran yang sesuai dengan warga emas di pondok. Selain itu, sebanyak 27.5% dengan bilangan 22 orang responden menjawab 'sangat setuju'. Namun, sebanyak 8.8% iaitu hanya 7 orang yang menjawab 'tidak pasti'.

Kemudian, diikuti dengan item “penerangan yang mudah difahami” dengan nilai ($\mu = 4.18$, $\sigma = 0.55$). Seramai 57 orang responden dengan nilai peratusan 71.3% yang bersetuju dengan penerangan ilmu yang mudah difahami kepada warga emas. Seterusnya, seramai 19 orang responden dengan nilai peratusan 23.8% yang menjawab 'sangat setuju'. Walaupun demikian, hanya 3 orang responden dengan nilai peratusan 3.8% yang menjawab 'tidak pasti' dan seorang sahaja dengan nilai peratusan 1.3% yang menjawab 'tidak setuju'.

Di samping itu, pada item “memberi penerangan yang jelas” menunjukkan nilai ($\mu = 4.16$, $\sigma = 0.46$). Sebanyak 76.3% dengan bilangan 61 orang responden yang menjawab setuju dengan pengajaran yang memberi penerangan yang jelas kepada pelajar. Selain itu, sebanyak 20% dengan bilangan 16 orang responden menjawab 'sangat setuju'. Walau bagaimanapun, sebanyak 3.8% iaitu hanya 3 orang yang menjawab 'tidak pasti'.

Seterusnya, dengan item “penerangan yang ringkas” mencatatkan nilai ($\mu = 4.07$, $\sigma = 0.38$). Seramai 68 orang responden dengan nilai peratusan 85% yang bersetuju dengan penerangan ilmu yang ringkas dan padat kepada pelajar. Selain itu, seramai 9 orang responden dengan nilai peratusan 11.3% yang menjawab 'sangat setuju'. Namun, hanya 3 orang responden dengan nilai peratusan 3.8% yang menjawab 'tidak pasti'.

Selain itu, pada item “pengajaran yang menarik” menunjukkan nilai ($\mu = 4.06$, $\sigma = 0.49$). Sebanyak 76.3% dengan bilangan 61 orang responden yang menjawab setuju dengan menggunakan pengajaran yang menarik kepada pelajar. Seterusnya, sebanyak 15% dengan bilangan 12 orang responden menjawab 'sangat setuju'. Namun demikian, sebanyak 8.8% iaitu hanya 7 orang yang menjawab 'tidak pasti'.

Selanjutnya, item “menggunakan teknik pengulangan” menunjukkan nilai ($\mu = 4.05$, $\sigma = 0.53$). Seramai 58 orang responden dengan nilai peratusan 72.5% yang bersetuju dengan pengajaran yang menggunakan teknik pengulangan kepada warga emas. Seterusnya, seramai 13 orang responden dengan nilai peratusan 16.3% yang menjawab 'sangat setuju' dan hanya 9 orang responden dengan nilai peratusan 11.3% yang menjawab 'tidak pasti'.

Seterusnya, pada item “penyampaian secara satu persatu” mencatatkan nilai ($\mu = 4.04$, $\sigma = 0.56$). Sebanyak 72.5% dengan bilangan 58 orang responden yang menjawab setuju dengan penyampaian ilmu secara satu persatu kepada warga emas. Selain itu, sebanyak 16.3% dengan bilangan 13 orang responden menjawab 'sangat setuju'. Namun, sebanyak 10% iaitu hanya 8 orang yang menjawab 'tidak pasti' dan seorang sahaja dengan nilai peratusan 1.3% yang menjawab 'tidak setuju'.

Kemudian, pada item “pengajaran secara teori” menunjukkan nilai ($\mu = 4.01$, $\sigma = 0.56$). Seramai 61 orang responden dengan nilai peratusan 76.3% yang bersetuju dengan pengajaran secara teori kepada pelajar. Seterusnya, seramai 11 orang responden dengan nilai peratusan 13.8% yang menjawab 'sangat setuju'. Namun demikian, hanya 6 orang responden dengan nilai peratusan 7.5% yang menjawab 'tidak pasti' dan 2 orang sahaja dengan nilai peratusan 2.5% yang menjawab 'tidak setuju'.

Di samping itu, pada item “menggunakan komunikasi dua hala” merekodkan dengan nilai ($\mu = 4.0$, $\sigma = 0.64$). Sebanyak 67.5% dengan bilangan 54 orang responden yang menjawab setuju dengan pengajaran yang menggunakan komunikasi dua hala kepada warga emas. Selain itu, sebanyak 17.5% dengan bilangan 14 orang responden menjawab 'sangat setuju'. Namun, sebanyak 12.5% iaitu hanya 10 orang yang menjawab 'tidak pasti' dan 2 orang sahaja dengan nilai peratusan 2.5% yang menjawab 'tidak setuju'.

Selain itu, bagi item “menggunakan teknologi dalam pengajaran” mencatatkan nilai ($\mu = 3.96$, $\sigma = 0.68$). Seramai 52 orang responden dengan nilai peratusan 65% yang bersetuju dengan menggunakan teknologi dalam pengajaran. Seterusnya, seramai 14 orang responden dengan nilai peratusan 17.5% yang menjawab 'sangat setuju'. Walaupun demikian, hanya 11 orang responden dengan nilai peratusan 13.8% yang menjawab 'tidak pasti' dan 3 orang sahaja dengan nilai peratusan 3.8% yang menjawab 'tidak setuju'.

Selanjutnya, pada item “menggunakan teknik penceritaan” menunjukkan nilai ($\mu = 3.95$, $\sigma = 0.55$). sebanyak 77.5% dengan bilangan 62 orang responden yang menjawab setuju dengan menggunakan teknik penceritaan dalam pengajaran. Selain itu, sebanyak 10% dengan bilangan 8 orang responden menjawab 'sangat setuju' dan 'tidak pasti' dan 2 orang sahaja dengan nilai peratusan 2.5% yang menjawab 'tidak setuju'.

Kemudian, pada item “pengajaran secara amali” mencatatkan nilai ($\mu = 3.8$, $\sigma = 0.7$). Seramai 47 orang responden dengan nilai peratusan 58.8% yang bersetuju dengan pengajaran secara amali kepada pelajar. Seterusnya, seramai 20 orang responden dengan nilai peratusan 25% yang menjawab 'tidak pasti'. Namun demikian, hanya 10 orang responden dengan nilai peratusan 12.5% yang menjawab 'sangat setuju' dan 3 orang sahaja dengan nilai peratusan 3.8% yang menjawab 'tidak setuju'.

Akhir sekali, nilai min yang lebih rendah berbanding item yang lain adalah “membuat demonstrasi” dengan mencatatkan nilai ($\mu = 3.63$, $\sigma = 0.75$) yang juga berada di tahap yang tinggi. sebanyak 52.5% dengan bilangan 42 orang responden yang menjawab setuju dengan pengajaran yang membuat teknik demonstrasi kepada warga emas. Selain itu, sebanyak 31.3% dengan bilangan 25 orang responden menjawab 'tidak pasti'. Namun, sebanyak 8.8% iaitu hanya 7 orang yang menjawab 'sangat setuju' dan 6 orang dengan nilai peratusan 7.5% yang menjawab 'tidak setuju'.

PERBINCANGAN

Berdasarkan hasil dapatan kajian di atas, keseluruhan skor min berada di tahap yang tinggi. Ini menunjukkan teknik pengajaran yang digunakan sesuai dengan pendidikan dewasa untuk warga emas. Menurut Ahmad Faizal et al., (2022) menyatakan bahawa teknik pengajaran dan modul yang diberikan kepada warga emas sangat mudah difahami dan diamalkan. Ini bermakna responden berpuas hati dengan teknik pengajaran di pondok.

Pengajaran yang dinilai oleh responden adalah tinggi dengan menggunakan teknik pengulangan, dan menggunakan teknologi dalam pengajaran. Teknik pengajaran ini selari dan disokong dengan kajian Nahdatul Akma et al., (2022), bagi mereka bentuk cara pengajaran dan pembelajaran untuk warga emas adalah dengan menggunakan strategi pengulangan dan pembelajaran teknologi untuk membantu mereka mengembalikan memori dan ingatan warga emas. Selain itu, warga emas lebih suka mempelajari ilmu seperti tentang digital kerana ia adalah relevan dan praktikal dengan keperluan seharian mereka. Ini menunjukkan bahawa kandungan yang diajar adalah sesuai dengan keperluan warga emas.

Selain itu, pengajaran secara teori dan amali dipraktikkan di dalam kelas dan pengajaran yang mudah difahami serta penerangan yang jelas adalah sejajar dengan kajian Muhammad Rusmin et al., (2022), pengajaran yang digunakan di pondok menggunakan teknik perbincangan dan syarahan untuk menyampaikan ilmu kepada pelajar teknik pengajaran mudah difahami serta memberi penjelasan yang begitu baik di dalam kuliah. Di samping itu, bahasa juga perlu menggunakan yang mudah difahami supaya pelajar memahami apa yang diajarkan oleh tenaga pengajar. Menurut Shah Rizul Izyan et al., (2022), Selain itu, komunikasi dan pengajaran menggunakan bahasa yang jelas dan mudah difahami.

Seterusnya, dalam sesi pengajaran dan pembelajaran, guru memberi ruang sesi soal jawab kepada pelajar dan menggunakan komunikasi dua hala sewaktu pembelajaran serta membuatkan guru itu mengulangi ilmu dengan ringkas dan padat tersebut sehingga pelajar faham. Menurut Muhammad Rusmin et al., (2022), semasa sesi pengajaran dan pembelajaran, guru memberi peluang kepada pelajar untuk bertanyakan soalan perkara yang kurang difahami di samping menggunakan teknik pengulangan pada sesi pengajaran dan pembelajaran tersebut sehingga mereka faham berkenaan apa yang dipelajari serta menggunakan komunikasi dua hala di antara guru dengan pelajar dalam pengajaran. Dengan demikian, pembelajaran pada waktu tersebut memberi kefahaman yang lebih jelas kepada mereka.

Teknik pengajaran yang sesuai dengan warga emas berada ditahap yang tinggi kerana sesuai dengan tahap keupayaan pelajar tersebut. Di pondok tersebut, guru menyampaikan ilmu secara satu persatu dan berulang-ulang supaya pelajar dapat menerima ilmu dengan baik. Menurut Shah Rizul Izyan et al., (2022), kaedah pengajaran yang boleh dijadikan tauladan untuk guru adalah guru haruslah menggunakan pengajaran yang sesuai dengan tahap keupayaan pelajar. Pembelajaran perlu diajar secara satu persatu dan berulang ulang kerana memori dan ingatan mereka yang lemah.

Selain itu, teknik penceritaan yang digunakan di pondok adalah bertepatan dengan kehendak warga emas untuk memahami dan pengajaran yang tidak membosankan yang hanya membaca di buku semata. Dalam pengajaran warga emas, menggunakan teknik penceritaan yang lebih menarik minat mereka supaya tidak bosan ketika belajar seperti mengambil kisah-

kisah nabi dan kisah daripada al-Quran atau berkenaan isu semasa yang berlaku pada masa kini (Shah Rizul Izyan et al., 2022). Akhir sekali, teknik pengajaran yang membuat demonstrasi berada di tahap yang tinggi tetapi paling rendah daripada item yang lain. Teknik ini kurang digunakan di dalam sesi pembelajaran dan perlu dibimbing supaya pelajar lebih faham untuk membuat sesuatu dalam kehidupan seharian.

KESIMPULAN

Secara tuntasnya, teknik pengajaran kepada warga emas ini adalah proses pdp yang sesuai untuk digunakan di pondok. Setiap institusi atau pondok mempunyai cara pdp serta kurikulum yang berbeza. Sistem pembelajaran pondok adalah mempelajari ilmu keagamaan dan kerohanian. Ia juga merupakan proses pembelajaran sepanjang hayat iaitu tidak ada batas umur untuk mempelajari suatu ilmu. Warga emas mempunyai cara tersendiri untuk mempelajari ilmu agama di pondok.

Namun begitu, ada warga emas yang berlatar belakang tidak pernah bersekolah yang tidak tahu cara membaca dan menulis. Perkara ini juga perlu dititik beratkan oleh tenaga pengajar untuk memberi tumpuan lebih seperti membuat sesi perbincangan, fokus kepada kelas tutorial yang kecil atau melantik fasilitator untuk membantu warga emas yang lemah dalam pembelajaran. Kaedah ini mungkin dapat menambahkan kefahaman kepada warga emas ke arah lebih baik dan membuatkan perasaan seronok belajar di pondok. Selain itu, guru juga perlu menambah kemahiran mereka untuk mengetahui cara mengajar orang yang lebih tua dan mereka.

Warga emas yang suka menyambung pengajian dan menuntut ilmu seperti ilmu agama ini merupakan salah satu cara untuk memperbaiki diri ke arah yang lebih baik kerana jangka hayat dan usia yang ingin menambahkan bekalan amalan untuk bawa ke alam akhirat dan membentuk diri ke arah lebih baik serta berakhlak mulia.

RUJUKAN

- Ahmad, A. R. 2021. *Pendidikan Dewasa Teori, Amalan dan Hala Tuju*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad, N. A., Abd Rauf, M. F., Mohd Zaid, N. N., Zainal, A., Tengku Shahdan T. S. & Abdul Razak, F. H. 2022. Effectiveness of instructional strategies designed for older adults in learning digital technologies: a systematic literature review. *SN Computer Science*, 3 (130): 1-13.
- Abdul Mutalib, M., Kamaruzaman, N. A. & Abdullah, N. A. 2023. Elderly education and lifelong learning in Malaysia: Legal and shariah perspectives. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 11(2): 230-242.
- Abdul Rejab, M. R. 2022. Pembelajaran sepanjang hayat. *Sinar Harian Online*, <https://www.sinarharian.com.my/article/217572/khas/pendapat/pembelajaran-sepanjang-hayat>.

- Chaedar, M.R., Syah, M. & Ahmad, N. 2022. Islamic education system for elderly Islamic boarding school in Cikarang, West Java. *Hanifiya: Jurnal Studi Agama-Agama*, 5(2): 99-110.
- Kapur, R. 2019. Introduction to adult education.
https://www.researchgate.net/publication/335422676_Introduction_to_Adult_Education
- Karina de Lima Flauzino, Maria da Graça Campos Pimentel, Samila Sathler Tavares Batistoni, Isabela Zaine, Lilian Ourém Batista Vieira, Kamila Rios da Hora Rodrigues & Meire Cachioni. 2020. Digital literacy for older adults: perceptions about teaching-learning. *Educação & Realidade, Porto Alegre*, 45 (4), 1-17.
- Mohamad Abdullah. 2022. Program pembelajaran sepanjang hayat jana masyarakat berilmu. *Berita Harian Online*, <https://www.bharian.com.my/rencana/minda-pembaca/2022/09/998699/program-pembelajaran-sepanjang-hayat-jana-masyarakat-berilmu>
- Santrock, John W. 2011. *Life-Span Development*. 13th Edition. New York: The McGraw Hill.
- Wong Huey Siew, Oo Cheng Keat, Jamaludin, S. & Ahmad, M. Y. 2018. Challenges and achievements of senior citizens pursuing open and distance learning. *ASEAN Journal of Open Distance Learning*, 10(2): 19-29.
- Yusoff, A. F., Md Nor, N. N. F., Musa, N. & Abdul Rashid, S. M. R. 2022. Institusi pondok sebagai pilihan tempat tinggal warga emas waita ke arah kesejahteraan hidup: Kajian kes di Terengganu. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 19(5): 177-191.
- Zulkipli, S. R. I., Jaafar, N., Mohammad, N. A. F. & Abd Samad, M. S. H. 2022. Pendekatan pengajaran al-Quran buat warga emas menurut hadith Rasulullah. *Journal of Ma'alim al-Quran wa al-Sunnah*, 18(1): 1-18.